

10 JUL 2000

PARLIMEN: DR MAHATHIR TIDAK PERLU KE FILIPINA BINCANG ISU JOLO

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kunjungan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Datuk Pandikar Amin Mulia ke Filipina baru-baru ini sudah memadai bagi menyatakan pendirian kerajaan yang mahu kes penahanan tebusan di Jolo diselesaikan dengan segera.

Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad berkata semasa pertemuan dengan kedua-dua menteri itu, kerajaan Filipina telah berjanji dan memberikan kepastian untuk menyelesaikan masalah berkenaan secepat mungkin.

"Kementerian berpendapat pendirian yang dikemukakan dua menteri itu sudah memadai dan tidak perlu Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pergi ke Filipina bagi membincangkan perkara berkenaan," katanya ketika menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) di Dewan Rakyat hari ini.

Tan sebelum itu mencadangkan supaya Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan Presiden Filipina Joseph Estrada bagi menyatakan rasa kecewa Malaysia terhadap cara penyelesaian kes tebusan di Jolo yang berlarutan hampir tiga bulan.

Toyad berkata, walaupun Malaysia kecewa kerana rundingan yang berjalan terlalu perlahan tanpa banyak kemajuan, ia perlu menghormati prinsip dan tatasusila hubungan dua hala dua negara.

-- BERNAMA

NY AKD